9

**SESI PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG MENGENAI RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA BEBAS ADUAN SALAH LAKU POLIS 2019 BIL. 1 TAHUN 2019**

**26 OKTOBER 2019 (SABTU)**

**BILIK SERI SARAWAK**
**BANGUNAN LAMA DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)**
**PETRA JAYA, KUCHING, SARAWAK**

**NO:** 1

**NAMA PEMBENTANG:**

ZAKARIA BIN HARON

**PERSATUAN / PERTUBUHAN / INDIVIDU**

PERSATUAN BEKAS POLIS MALAYSIA
NEGERI SARAWAK

PERSATUAN BEKAS POLIS MALAYSIA SARAWAK

1. ZAKARIA BIN HARON
2. HJ. MOHD. SPERI BIN HJ ABD. KARIM
3. NICOL NYAMBANG
4. SAHARI BIN IDRIS
5. ARIFFIN BIN HJ. NAHRAWI

Wakil-Wakil kumpulan 1

**SESI PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG MENGENAI RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA BEBAS ADUAN SALAH LAKU POLIS 2019 BIL. 1 TAHUN 2019**

**26 OKTOBER 2019 (SABTU)**

**BILIK SERI SARAWAK**
**BANGUNAN LAMA DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)**
**PETRA JAYA, KUCHING, SARAWAK**

**NO:** 1

**NAMA PEMBENTANG:**

ZAKARIA BIN HARON

**PERSATUAN / PERTUBUHAN / INDIVIDU**

PERSATUAN BEKAS POLIS MALAYSIA
NEGERI SARAWAK

## SEJARAH PEMBENTUKAN IPCMC YANG PERTAMA

DITUBUH PADA 04 FEBRUARI 2004 DI BAWAH AKTA SURUHAMJAYA INKUIRI 1950, SELEPAS SEMUA AKHBAR TEMPATAN, TERMASUK NEW STRAITS TIME, DI MUKA SURAT PERTAMA MEMAPARKAN BERITA YANG MENVALARKAN KREDIBILITY POLIS DENGAN STATEMENT YANG MENGATAKAN "POLICE CORRUPT AT ALL LEVELS".

NAMUN, FUNGSI DAN PERANAN SURUHANJAYA TERSEBUT BUKANLAH UNTUK MENCARI KESALAHAN SERTA SALAH LAKU PEGAWAI DAN ANAGGOTA POLIS SEMATA-MATA.
THEIR ROLE AND FUNCTIONS ARE MORE ON REMEDIAL. INI JELAS BILAMANA DALAM LAPORAN MEREKA, THEY CAME UP WITH 10 TERAS STRETEJIK. ANTARANYA, MEMODENKAN PERANAN, FUNGSI DAN ORGANISASI PRDRM, MELANCAR GERAKAN DI SELURUH NEGARA UNTUK MEMERANGI JENAYAH, MENAMBAHBAIK SIASATAN POLIS, MENAMBAH BAIK PERJAWATAN, SARAAN DAN SKIM PERKHIDMATAN POLIS, MENAMBAH DAN MENINGKATKAN PERALATAN DAN LOJISTIK SERTA PERUMAHAN DAN PREMIS KERJA YANG LEBIH BAIK.

---

## IPCMC

## CONCLUSION

PDRM SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI TERTUA DI MALAYSIA, 212 TAHUN. TELAH MEMBERI PERKHIDMATAN YANG TERBAIK WITHIN THEIR ABILITY TO SERVE THE RAKYAT IN MAINTAINING LAW AND ORDER DAN KEAMANAN KEPADA NEGARA.

MENERUSI PENGLIBATAN DALAM MISI PENGAMAN BERSAMA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU, TELAH DIIKTIRAF SEBAGAI ONE OF THE BEST POLICE FORCE IN THE WORLD JANGANLAH DISEBABKAN SEEKOR KERBAU MEMBAWA LUMPUR, IMEJ DAN INTERGRITI PDRM KESELURUHANNYA TERCEMAR. SUMBANGAN SERTA PENGORBANAN PEGAWAI DAN ANGGOTA DILUPAKAN.

SEBELUM MENGAKHIRI, INGIN SAYA JELASKAN BAHAWA SEGALA APA YANG SAYA SAMPAIKAN INI ADALAH PANDANGAN PERIBADI SAYA TANPA DIPENGARUHI OLEH MANA-MANA PEGAWAI ATAU ANGGOTA YANG SEDANG BERKHIDMAT.

TERIMA KASIH YB PENGERUSI SERTA AHLI-AHLI YANG LAINNYA.

---

1. Isu : **IPCMC yang dicadangkan pada kali pertama pada tahun 2005 adalah satu daripada 125 cadangan (cadangan ke-12) dalam Laporan RCI.**
   Sewajarnya jika laporan RCI menjadi asas kepada peubuhan IPCMC maka sewajarnya perkara dilihat kepada 124 cadangan yang lain dalam laporan tersebut yang dirangkumkan sebagai 10 teras strategik. Cadangan penambahbaikan tersebut mempunyai kaitan langsung yang menyumbang kepada aduan mengenai salah laku.

2. Isu : **Tafsiran salah laku.**
   Salah laku dalam konteks ini amat luas tafsirannya. Salah laku mungkin berlaku disebabkan kepincangan pengurusan, kekurangan keperluan dan kelengkapan dan kebajikan. Contohnya isu kematian dalam lokap yang menjadi isu ketidakpuasan hati tahanan di lokap mungkin disebabkan sakit, penagihan dadah, penyakit berkaitan penyalah gunaan dadah dan sebagainya. Ketiadaan Pegawai Perubatan membuat pemeriksaan sebelum dimasukkan ke dalam lokap menjadi liability kepada Ketua Polis Daerah, Ketua Polis Balai dan lain-lain anggota menjaga tahanan dalam lokap. Begitu juga dengan isu kesesakan dalam lokap tidak seharusnya menjadi liability kepada pegawai boleh sekiranya berlaku apa-apa kes terhadap tahanan.

3. Isu : **IPCMC dijadikan merupakan salah satu manifesto PH**
   a. Perkara-perkara lain dalam manifesto belum lagi dilaksanakan sepenuhnya;
   b. Enam (6) perkara dalam janji 20 Manifesto berkaitan denga PDRM tidak menjadi perhatian melainkan IPCMC sahaja.

4. Isu : **IPCMC sebagai pihak berkuasa tatatertib dan mengambil alih kuasa SPP di bawah artikel 140 Perlembagaan Persekutuan.**
   Tidak ada keperluan IPCMC untuk memainkan peranan sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib dan seterusnya mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman. Adalah wajar sekiranya IPCMC hanya bertindak sebagai badan pemantau (*overside body*) sebagaimana kewujudkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) yang sedang berperanan ketika ini. Apa yang perlu dilaksanakan sekarang ialah memperkasakan SIAP dan JIPS.

5. Isu : **IPCMC tidak memiliki keupayaan untuk melaksanakan tugas ini kerana saiz kecil.**
   Seandainya tiada keupayaan dan sebahagian besarnya diserahkan peranan kepada JIPS melalui penurunan kuasa maka perkara ini balik seperti asal maka jelas IPCMC hanya berminat untuk mendapat kuasa menghukum dan menggambarkan satu niat jahat terhadap pasukan.

6. Isu : **IPCMC mempunyai kuasa menyiasat jenayah.**
   Kuasa menyiasat kes jenayah diberikan kepada polis. Ini tidak selaras dengan objektif sebenar iaitu perkara berkaitan dengan aduan salah laku.

7. Isu : **Siasatan tanpa aduan.**
   Adalah tidak wajar suatu siasatan dibuat tanpa ada pengaduan kerana tidak memberi keadilan kepada pegawai polis akan terdedah kepada berbagai

tohmahan yang mungkin tidak ada asas. Dalam konteks jika tiada sebarang asas atau berniat jahat maka tindakan tidak dapat diambil.

8. RUU IPCMC dibuat dengan cara tergesa-gesa semata-mata untuk menunjukkan kepada rakyat kerajaan telah menunaikan manifesto.

9. RUU IPCMC masih lagi belum sempurna kerana terdapat banyak perkara berkaitan persoalan yang dibangkitkan oleh PDRM masih lagi tiada kata putus terutama berkaitan dengan kuasa IPCMC sebagai pihak berkuasa tatatertib mengambil alih peranan Suruhanjaya Pasukan Polis di bawah artikel 140 Perlembagaan Persekutuan.

10. Isu : **Kebajikan dan keperluan logistik semasa menjalankan tugas.**
Perlu ditangani sebelum laksanakan IPCMC.
Kuarters, lif, lokap dan keperluan yang berkaitan, kenderaan, keperluan pejabat, buku repot, mesin fotostat dll.
Lawatan yang dilakukan dibimbangi hanya sebagai gula-gula dan apabila RUU diluluskan tiada tindakan diambil. Perkara ini perlu diambil perhatian sewajarnya dan bukan lebih cenderung untuk mewujudkan IPCMC sahaja.

11. Tugas polis amat berisiko dan terdedah kepada ketidak puasan hati sama ada bertindak atau tidak . Peruntukan RUU berhubung salah laku yang menetapkan "bertindak atau tidak bertindak", "melakukan atau tidak melakukan" membuka ruang yang mata luas kepada aduan salah laku.

(*f*) menerima dan menilai apa-apa aduan salah laku daripada mana-mana orang terhadap mana-mana anggota pasukan polis dan menyiasat aduan itu; dan

FASAL 5(2)(F)-

-Bagi mengawal disiplin dan salah laku di kalangan Pegawai dan Anggota, Akta Polis, 1967 ada menyenaraikan 66 kesalahan tatatertib di mana tiada seorang pun akan terlepas daripada tindakan tatatertib bagi yang melanggar peraturan ini dengan hukuman ~~[illegible]~~ serendah2 celaan dan di buang kerja, mengikut keseriusan kesalahan yang dilakukan.

**Tempoh jawatan**

**7.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang anggota Suruhanjaya memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, dan dia layak untuk dilantik semula.

(2) Seseorang tidak boleh memegang jawatan anggota Suruhanjaya melebihi dua penggal yang berturut-turut.

(3) Seseorang anggota Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan surat yang ditujukan kepada Yang di-Pertuan Agong.

(4) Pelantikan seseorang anggota Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

... boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Sek. 26 (4) dan
Sek. 27 (4) (b) -

- Sek ini nampaknya hanya menjurus kpd tindakan yang diambil ke atas anggota Polis.
- Tetapi, bagaimana pula halnya dengan pemberi maklumat/laporan yang terdiri drpd orang awam yang membuat laporan palsu?
- Apakah mereka juga tertakluk kepada Sek yang sama, beserta dengan hukuman denda & tempohan dipenjarakan?

29. (1) Suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa bilangan Pasukan Petugas untuk membantu Suruhanjaya menyiasat salah laku di bawah Akta ini.

(2) Anggota Pasukan Petugas boleh terdiri daripada pegawai Suruhanjaya dan perunding yang diambil khidmat di bawah seksyen 17.

(3) Bagi maksud menyiasat apa-apa insiden di bawah seksyen 47, anggota Pasukan Petugas hendaklah mempunyai semua kuasa penyiasatan sebagaimana yang terkandung dalam Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] dan kuasa sedemikian hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan tidak mengurangkan kuasanya di bawah Akta ini.

Seh. 31 — Seh 33.

- Tidak mengambil kira serta membelakangi ~~Suruhanjaya~~ f. fungsi dan peranan Suruhanjaya Polis (Police Commission).
- Jadi apakah lagi yang tinggal untuk Police Commission seumpah itu?

PROSIDING UNTUK MENANGANI SALAH LAKU

**Kuasa tatatertib**

**31.** (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas apa-apa salah laku yang dilakukan oleh mana-mana anggota pasukan polis.

(2) Suruhanjaya boleh menjalankan bidang kuasa tatatertib ke atas apa-apa aduan berkenaan dengan salah laku mana-mana anggota pasukan polis.